



KETUA PENDAFTAR
INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA
REGISTRAR GENERAL
PRIVATE HIGHER EDUCATIONAL INSTITUTIONS
Jabatan Pendidikan Tinggi
Department of Higher Education
Aras 9, No.2, Menara 2,
Jalan P5/6, Presint 5
62200 PUTRAJAYA
MALAYSIA



Tel: 603-88706381
Faks (Fax): 603-88706840
Portal Rasmi: <http://jpt.mohe.gov.my>
(Official Portal)

Ruj Kami: JPT/BPP(K)1000-753Jld 3 (19)
Tarikh : 27 Januari 2017

Semua Ketua Eksekutif Institusi Pendidikan Tinggi Swasta

YBhg. Tan Sri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan,

PEMAKLUMAN MENGENAI KEPUTUSAN DASAR-DASAR BAHARU INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA (IPTS)

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa keputusan dasar-dasar baharu bagi Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Pengurusan Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) Bilangan 8 Tahun 2016 pada 11 November 2016 dan Mesyuarat Kajian Semula Dasar-dasar Berkaitan Jaminan Kualiti KPT-MQA Bil.3/2016 pada 5 Disember 2016 adalah seperti di Lampiran A.
3. Sehubungan itu, kerjasama dan perhatian YBhg. Tan Sri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan adalah dipohon untuk mengambil perhatian yang sewajarnya berhubung perkara ini.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(DATIN PADUKA IR. DR. SITI HAMISAH BINTI TASPIR)
Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan Tinggi
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi

s.k.

1. Timbalan Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan Tinggi
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi
2. Ketua Pegawai Eksekutif
Agenzi Kelayakan Malaysia
3. Ketua Eksekutif
Education Malaysia Global Services (EMGS)
4. SUSK YB Menteri Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi
5. SUSK YB Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi
6. Pengarah
Bahagian Hubungan Antarabangsa
Kementerian Pendidikan Tinggi
7. Pengarah
Bahagian Governan IPTS
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi
8. Pengarah
Bahagian Penguinkuasaan dan Inspektorat
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi
9. Pengarah
Bahagian Pendaftaran dan Piawaian
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi

LAMPIRAN A

Bil	PERKARA	DASAR BAHARU		
		Mesyuarat	bersetuju	supaya semua IPTS yang
1.	Polisi mengenai yuran pengajian	Mesyuarat mendapat kelulusan pengambilan pelajar antarabangsa dibenarkan untuk mengenakan yuran yang lebih tinggi berbanding yuran pelajar tempatan selaras dengan keputusan Jemaah Menteri. Penetapan yuran pelajar tempatan pula adalah tertakluk kepada syarat yang dikenakan oleh Ketua Pendaftar seperti yang diperuntukan oleh Akta 555 bagi menjamin kebajikan dan kepentingan pelajar yang di luar kemampuan. Walau bagaimanapun, kenaikan yuran bagi pelajar tempatan adalah sebanyak 3% setahun.		
2.	Had kepada pusat wilayah untuk menjalankan satu kursus pengajian.	Mesyuarat menjalankan kursus pengajian di pusat wilayah berdasarkan kapasiti dan keperluan institusi serta perlu memenuhi syarat dan kriteria yang ditetapkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan Badan Profesional. Sekiranya IPTS tidak mematuhi atau melanggar peraturan yang diperuntukan, tindakan tegas akan dikenakan kepada semua cawangan sepetimana diperuntukkan dalam Akta 555.		
3.	Polisi mengenai syarat kompetensi Bahasa Inggeris bagi kemasukan pelajar antarabangsa	Mesyuarat memutuskan bahawa surat siaran JPT/BPP(P)1000-753Jd.3(15) bertarikh 12 April 2016 adalah terpakai.		
		Mesyuarat juga bersetuju supaya IPTS dibenarkan		

		<p>membuat pengambilan pelajar dengan <i>conditional offer</i> jika kelayakan masuk yang ditetapkan telah dipatuhi kecuali bagi Bahasa Inggeris. Dalam hal ini, IPTS boleh menawarkan program Bahasa Inggeris dalaman bagi menyediakan pelajar mengambil <i>international exam</i> seperti IELTS/ TOEFL/ Cambridge English: Advance (CAE)/ Cambridge English: Proficiency (CPE)/ Pearson Test of English (PTE) Academic atau MUET dan memenuhi syarat kelayakan masuk sebelum pelajar bergraduat.</p>
4.	<p>Polisi mengenai syarat kompetensi Bahasa Inggeris bagi kemasukan pelajar tempatan</p>	<p>Pelajar tempatan yang mengikuti pengajian di IPTS perlu memenuhi kompetensi Bahasa Inggeris seperti yang ditetapkan dalam <i>standard program</i> yang dibangunkan MQA kecuali:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pelajar tempatan yang menggunakan kelayakan akademik dari institusi yang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar sepenuhnya; atau ii. Pelajar tempatan yang telah mengikuti pengajian di Malaysia dan bercadang untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi dengan tertakluk kepada perkara (i); atau iii. Pelajar tempatan yang mempunyai kelayakan akademik di peringkat O-Level atau A-Level.

<p>5. Polisi untuk Ekspatriat</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum bahawa Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) membenarkan ekspatriat yang memegang pas pengajian untuk belajar di IPTS secara separuh masa dengan mendapatkan <i>endorsement</i> daripada JIM. Manakala, ahli keluarga ekspatriat, diplomat dan MM2H dibenarkan untuk menyambung pengajian di IPTS tetapi perlu menukar pas sedia ada kepada pas pelajar.</p>	<p>Mesyuarat mengambil maklum bahawa Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) membenarkan ekspatriat yang memegang pas pengajian untuk belajar di IPTS secara separuh masa dengan mendapatkan <i>endorsement</i> daripada JIM. Manakala, ahli keluarga ekspatriat, diplomat dan MM2H dibenarkan untuk menyambung pengajian di IPTS tetapi perlu menukar pas sedia ada kepada pas pelajar.</p> <p>Mesyuarat telah bersetuju supaya MQA terus memproses semua permohonan kursus baharu tanpa melalui MSA-IPTS dengan mengambil kira penetapan dasar-dasar semasa (moratorium, kuota dan lain-lain).</p> <p>Surat Pemakluman Mengenai Pemansuhan Mesyuarat Saringan Awal Kursus Pengajian/ Program Baharu rujukan JPT/BPP(P)1000-753Jd.3(18) bertarikh 21 Disember 2017 telah dikeluarkan. Surat tersebut telah dijemelkan kepada Ketua Eksekutif dan dimuatnaik di laman web JPT.</p>	<p>Mesyuarat bersetuju supaya Lawatan Bersepadu dilaksanakan secara lebih strategik dan terancang dengan pengabungan lawatan antara Bahagian Pendaftaran dan Piawaian (BPP) dan Bahagian Pengawatkuasaan dan Inspektorat (BPI).</p>
<p>6. Proses permohonan kursus baharu (MSA-IPTS).</p>		
<p>7. Lawatan Bersepadu daripada pihak JPT</p>		

8. Prosedur Pas Penggajian bagi Ekspatriat	<p>Mesyuarat memutuskan bahawa surat kepada JIM mengenai “Pelarasan Pemberian Autonomi Pengambilan Pelajar dan Tenaga Pengajar Asing bagi IPTS” bertarikh 29 Januari 2016 yang menjelaskan pemberian autonomi pengambilan tenaga pengajar asing kepada IPTS yang mendapat tier 5 dalam penarafan SETARA dan MyQuest adalah terpakai.</p>
9. Proses permohonan kursus baharu yang terlalu rumit.	<p>Mesyuarat bersetuju supaya MSA-IPTS telah dimansuhkan. Surat siaran JPT/BPP(P)1000-753Jd.3(18) bertarikh 21 Disember 2016 telah dikeluarkan. Permohonan kelulusan kursus baharu dapat diberikan setelah mendapat syor daripada MQA. Dengan tiadanya MSA, pihak IPTS boleh memohon terus kepada MQA untuk perakuan akreditasi.</p>
10. Piagam Pelanggan tidak dipaparkan	<p>Piagam Pelanggan bagi permohonan IPTS telah dimuatnaik di laman web JPT.</p>
11. Surat kelulusan kursus adalah terlalu panjang dan terperinci	<p>Mesyuarat bersetuju untuk menyemak semula perkara ini akan disemak semula agar selaras dengan pindaan Akta 555 dan peraturan-peraturan dibawahnya.</p>

<p>12. Pemakluman mengenai sebarang pindaan atau perubahan mengenai dasar, prosedur dan proses yang melibatkan IPTS</p>	<p>Mesyuarat mengambil maklum bahawa PPTS selaku pemudahcara sentiasa melaksanakan pertemuan dengan IPTS seperti yang dilaksanakan sekarang untuk memaklumkan sebarang perubahan polisi/ dasar melalui:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Mesyuarat PPTS bersama Persatuan IPTS ii. Sesi Townhall bersama IPTS iii. Majlis PPTS bersama IPTS mengikut zon iv. Majlis Perjumpaan YBM bersama Ketua-ketua Eksekutif v. Hari Bersama Pelanggan dengan IPTS <p>Mesyuarat juga bersetuju supaya Hari Bersama Pelanggan akan diadakan setiap bulan.</p>
---	--